

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN PANG HOK LIONG [LABIS]

SOALAN NO. 321

TUAN PANG HOK LIONG [LABIS] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan senarai pemegang konsesi atau syarikat-syarikat yang telah dilantik oleh Kementerian sebagai pengedar alat-alat perubatan dan ubat-ubatan kepada semua kemudahan awam Kementerian Kesihatan.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Sebanyak satu pertiga (1/3) daripada keperluan ubat-ubatan dan alat-alat perubatan di semua fasiliti Kesihatan-kesihatan adalah diedarkan oleh syarikat konsesi Pharmaniaga Logistics Sdn. Bhd.. Ianya melibatkan lebih daripada 700 produk ubat-ubatan dan alat-alat perubatan yang dibekalkan oleh 90 syarikat yang dilantik oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Bagi dua pertiga (2/3) lagi keperluan ubat-ubatan dan alat-alat perubatan, ianya diperolehi oleh fasiliti KKM melalui kaedah tender terbuka dan kaedah-kaedah perolehan lain yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF).

Sekian, terima kasih.